

**Pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran subjek MPU secara *Blended* dan *Active Learning* di Pusat  
CITRA Universiti Kebangsaan Malaysia**  
*(Teaching and Learning Experience of MPU Subjects through Blended and Active Learning in Pusat  
CITRA Universiti Kebangsaan Malaysia)*

**JAMSARI ALIAS\*, NORAZILA MAT, NAZRI MUSLIM, AMINUDIN BASIR @ AHMAD, WAN  
ZULKIFLI WAN HASSAN, ZULKIFLI MOHAMAD, AZIZI UMAR & NOR AFIAN YUSOF**

**ABSTRAK**

Pengajaran dan pembelajaran di peringkat universiti hari ini selaras dengan perkembangan bersepada ke arah melahirkan pelajar yang berbakat insan kelas pertama, berketrampilan, berkemahiran insaniah di samping dilengkapi pengetahuan umum yang luwes lagi bermakna. Banyak telah diperkatakan tentang kaedah pembelajaran yang mampu menghasilkan pelajar yang sedemikian, namun tidak banyak perkongsian yang ada dikongsi secara langsung. Antara kaedah yang ditekankan adalah memperkasakan cara pengajaran dan pembelajaran subjek-subjeknya secara *blended* and *active learning* bagi mempertingkatkan keyakinan diri dan menambah pemahaman hidup seseorang insan di samping memberi impak maksima berkaitan isi kandungan subjek. Kertas ini ditulis dengan tujuan untuk berkongsi pengalaman proses pengajaran dan pembelajaran subjek Mata Pelajaran Umum (MPU) di Pusat Citra UKM, yang meliputi Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) dan Hubungan Etnik dalam bentuk perkongsian pengalaman pembelajaran, pembelajaran aktif (*active learning*) berdasarkan pembelajaran berpaksikan hasilan, pembelajaran aktif serta kaedah *blended* yang digunakan. Kaedah pemerhatian digunakan dalam kertas ini di samping perkongsian penggunaan pelbagai medium beserta pembentangan tugas dalam beraneka bentuk melibatkan kerja berkumpulan dan refleksi diri turut dikongsi bersama. Perkongsian pengalaman ini membawa makna yang memberangsangkan kepada keluwesan ilmu, pembangunan subjek baharu serta pemantapan jatidiri pelajar.

Kata Kunci: Pengajaran dan Pembelajaran, Mata Pelajaran Umum (MPU), Pusat CITRA UKM, Malaysia.

**ABSTRACT**

*Teaching and learning processes in universities today are in line with the development and need in cultivating competitive excellent students that are equipped with soft-skills and broad knowledge. Many have mentioned on how to achieve those kind of students but less has been shared directly with us. Among the methods applied are blended and active learning techniques to boost the confidence level and understandings of the subject contents. This paper is written to share the experiences of teaching and learning in the subjects of general studies (Mata Pelajaran Umum (MPU)) in Pusat Citra UKM, that comprises of Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) and Hubungan Etnik in the form of sharing of the (active learning) and blended techniques. Observation method is applied in this paper together with a variart of mediums in teaching and learning as well as different ways of presentations involving group-work and individual reflections are also shared. This sharing session brings a lot of new development in inculcating and enhancing the students.*

*Keywords:* *Teaching and Learning, Mata Pelajaran Umum (MPU), Pusat CITRA UKM, Malaysia.*

## PENGENALAN

Konsep keseimbangan dalam pendidikan adalah meliputi aspek rohani, jasmani dan intelektual. Ia sangat penting ke arah pembentukan peribadi untuk menjadi insan yang seimbang. Pendidikan bertujuan untuk mencapai pembentukan akidah, sikap, kemahiran, keperibadian serta pandangan hidup yang berperanan untuk membina dan membangun diri, masyarakat serta persekitaran berlandaskan asas mencari redha Allah SWT. Dengan kata lain, menurut Hassan Langgulung dalam Wan Mohd Noor (2011), pendidikan dalam erti yang khusus merujuk kepada aktiviti manusia bagi memelihara kelangsungan hidupnya sama ada sebagai seorang individu atau sebagai anggota masyarakat.

Hal ini amat bertepatan dengan konsep Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bertujuan untuk meningkatkan potensi diri individu secara syumul dan seimbang dari segi jasmani, emosi, intelek dan rohani atau ringkasnya disebut JERI. Ia melambangkan konsep pendidikan yang sepadau dan integratif iaitu meliputi pendidikan akal, akhlak serta pendidikan masyarakat (Zuraidah Othman, 2014). Konsep bersepadu dan integratif ini dilihat berupaya untuk mencapai matlamat pendidikan yang dihasratkan oleh negara iaitu bagi melahirkan rakyat yang bertanggungjawab dan boleh memenuhi kewajiban sebagai warganegara, membina rakyat yang progresif, mahir serta cekap supaya membolehkan melaksanakan tugas secara produktif serta sempurna demi memberi sumbangan terhadap kemajuan dan pembangunan.

### Pendidikan Citra di UKM

Pendidikan CITRA adalah pendekatan pembelajaran yang lebih luas dan lestari yang bertitik tolak dari Pengajian Umum UKM. Pengajian Umum di UKM asalnya telah dikendalikan semenjak tahun 1982 bertujuan membina pelajar yang bersahsiah, mempunyai pengetahuan yang luas dan bersifat komplimentari. Kursus-kursus dalam Pengajian Umum diambil oleh semua pelajar pra-siswazah dari semua fakulti. Sehingga sesi 2013-2014, kursus-kursus pengajian umum adalah terdiri daripada kursus-kursus wajib universiti seperti Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS), Hubungan Etnik (HE) dan Pembangunan Diri (PD) serta Asas Keusahawanan (AK) di samping kursus-kursus “softskills” atau kemahiran insaniah yang lain seperti Kemahiran Berfikir, Asas Pengurusan Kualiti, Hubungan Insan, Isu Isu Kekeluargaan, Pengurusan Emosi, Kemahiran Membuat Keputusan, Kritikan Seni Tampak serta subjek subjek lainnya seperti yang terkandung di dalam Buku Panduan.

Seterusnya, rasional dan justifikasi penstrukturran pendidikan CITRA di UKM ini adalah berdasarkan kepada perkembangan pesat dalam dunia kebolehpasaran (*employability*) pelajar lepasan institusi pengajian tinggi yang melihat bahawa Pengajian Umum yang diamalkan sekarang di UKM wajar diubah dan dinaik taraf kepada pendidikan liberal. Dalam Amanat Menteri Pengajian Tinggi pada awal tahun 2012, pihak Kementerian telah menyarankan agar Institusi Pengajian Tinggi Awam memberi perhatian khusus kepada Pendidikan Liberal dan Multidisiplin dalam semua program pengajian. Pada masa yang sama, pemegang taruh (majikan dan industri) memberi maklum balas bahawa kebolehpasaran lepasan universiti amat bergantung kepada kemahiran berkomunikasi, berfikir dan berdaya-kepimpinan selain dari hanya berpengetahuan dalam bidang pengkhususan masing-masing. Perkara ini juga telah dibangkitkan oleh Timbalan Perdana Menteri sewaktu melancarkan Dialog Nasional Pendidikan Negara di UKM (2012) yang menyarankan agar sistem pendidikan kebangsaan perlu dinilai semula untuk meningkatkan kebolehan negara bersaing di peringkat antarabangsa.

Istilah ‘citra’ membawa maksud ‘longgar’, ‘bebas’ atau ‘luas’, iaitu yang memberi gambaran bahawa ilmu pengetahuan bukanlah sesuatu yang bersifat *rigid*, perkotakan dan tidak dinamik. Oleh itu, Pendidikan Liberal membawa pengertian bahawa pelajar bukan sahaja mengkhusus dalam sesuatu bidang pengajian tetapi juga mempunyai elemen keluasan ilmu pengetahuan. Pendidikan CITRA bermaksud pendidikan umum yang membawa elemen kelestarian dan keluasan ilmu pengetahuan serta perolehan kompetensi atau kemahiran yang pelbagai yang akan membentuk sahsiah dan ketrampilan pelajar secara menyeluruh. Dalam lain perkataan, Pendidikan CITRA bertujuan membantu pelajar meluaskan ilmu pengetahuan di luar bidang pengkhususan, membina kompetensi dan kemahiran sosial, intelektual dan praktikal dalam kehidupan seharian. Justeru, adalah diharapkan dengan penaiktarafan pengajian umum kepada pendidikan CITRA akan dapat membantu universiti membentuk pelajar yang lebih berwibawa, berketrampilan dan berpengetahuan luas bagi memenuhi keperluan kebolehpasaran pelajar dan kesejahteraan masyarakat.

Di samping itu, Pendidikan CITRA ini diharap dapat memenuhi hasrat pihak-pihak berkepentingan supaya universiti melahirkan graduan berpengetahuan luas dan luwes selain daripada mempunyai kepakaran dalam bidang pengkhususan serta memiliki kemahiran insaniah dalam membina modal insan yang berupaya menguasai dan mengaplikasi kemahiran insaniah bagi menghadapi cabaran-cabaran dalam masyarakat

termasuk dalam meningkatkan daya kreativiti dan inovasi.

Satu perkara yang tidak kurang pentingnya adalah kurikulum pra-siswazah universiti semasa memerlukan penambahbaikan kepada sistem penyampaian universiti. Oleh itu, kerangka penawaran ‘Pendidikan CITRA UKM’ ini adalah usaha untuk menghasilkan graduan yang berkualiti bagi memenuhi keperluan masyarakat semasa dan kehendak pemegang taruh sepertimana yang mereka nyatakan dalam beberapa siri *engagements* yang telah dijalankan bagi melahirkan pelajar yang mempunyai identiti UKM menerusi pendekatan *shaping the mind*, dan *building the character* berdasarkan pembelajaran dan penghayatan ‘Pendidikan CITRA UKM.’

Konsep Pendidikan CITRA UKM ialah pendidikan yang meluas dan merentasi disiplin ilmu yang pelbagai. Pendekatan sedemikian adalah bagi memberi peluang kepada pelajar-pelajar daripada latar

belakang pengkhususan yang berbeza untuk belajar dan mengenali bidang-bidang ilmu yang lain di luar bidang. Pendedahan kepada peluasan ilmu pengetahuan ini berguna bagi memastikan graduan-graduan UKM menguasai bidang pengkhususan masing-masing dan pada masa yang sama, mempunyai pengetahuan yang luas serta memiliki kompetensi-kemahiran yang berkaitan. Misalnya, pelajar boleh mempelajari aspek-aspek keusahawanan dalam kursus-kursus tentang keusahawanan dan juga mempelajari kemahiran keusahawanan melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

Hasil daripada kerja-kerja penyelidikan dan perbincangan yang panjang lagi komprehensif, sejumlah enam domain Pendidikan CITRA telah dikenal pasti, diperhalusi dan dipersejutui (Lihat Rajah 1) dengan sebuah Jawatankuasa Pelaksana Pendidikan CITRA UKM telah ditubuhkan bagi merancang dan menjalankan pelaksanaan Pendidikan CITRA UKM yang telah dimulakan pada Semester 2014-2015.




RAJAH 1. Enam Domain Pendidikan CITRA UKM

Enam Domain Pendidikan CITRA UKM boleh dilihat berkaitan antara satu sama lain. Rajah 2 menunjukkan perkaitan antara semua domain berkenaan. Domain Etika, Kewarganegaraan & Ketamadunan adalah domain asas yang menjadi teras utama dalam Pendidikan CITRA UKM. Pelajar perlu

diberi pendedahan yang mencukupi tentang aspek-aspek nilai, integriti, kewarganegaraan dan ketamadunan yang akan membina jatidiri sahsiah yang kukuh. Domain Bahasa, Komunikasi & Literasi, Kepimpinan, Keusahawanan & Inovasi dan Penaakulan Kuantitatif & Kualitatif adalah domain pembelajaran pelajar untuk

mendapatkan pengetahuan dan kemahiran-kompetensi asas yang diperlukan dalam membangunkan peradaban manusia. Domain Kekeluargaan, kesihatan & Gaya Hidup serta Sains, Teknologi dan Kelestarian memberi peluang pelajar mendapatkan pengetahuan dan kemahiran dalam aspek-aspek aplikasi kehidupan berkeluarga, bermasyarakat dan juga sedar dan mengetahui sumbangan sains dan teknologi dalam

kelestarian peradaban manusia. Oleh kerana itulah, Pendidikan CITRA sebenarnya membawa pelajar kepada aspek pembelajaran yang komprehensif dan berorientasikan pendekatan *shaping the mind, building the character* pelajar semasa dalam pengajian dan juga selepas bergraduat. Secara tidak langsung, Pendidikan CITRA membentuk identiti diri atau *brand* pelajar UKM yang disegani.



RAJAH 2. Domain Pendidikan CITRA UKM

Subjek Mata Pelajaran Umum (MPU) adalah kelompok subjek dalam domain teras yang juga merupakan subjek subjek wajib universiti serta seluruh Universiti Awam (UA) dan juga Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Antara subjek MPU di UKM adalah Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) dan Hubungan Etnik dan kedua-dua subjek adalah berkadar 3 jam kredit setiap satunya.

Silibus TITAS dan Hubungan Etnik dirangka untuk pelajar-pelajar faham, sedar serta menghargai erti peradaban dan ketamadunan serta perpaduan dan saling menghormati antara satu sama lain. Oleh kerana subjek-subjek ini banyak asasnya berbentuk bahan bacaan dan kefahaman serta pelajar pelajar yang mengambilnya melingkungi pelbagai lapisan, maka cara gaya pembelajaran secara *active learning* dan *blended* adalah sangat sesuai untuk dilaksanakan.

#### KAEDAH KAJIAN

Kertas ini lebih kepada perkongsian pendedahan pembangunan dan deskripsi pengalaman pembelajaran

aktif (*active learning*) yang berlaku kepada Pendidikan CITRA UKM yang berasaskan pemerhatian yang melibatkan aktiviti aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berlaku dalam subjek MPU di UKM iaitu Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) dan Hubungan Etnik.

Secara asasnya, pemerhatian dan pelaporan adalah sangat pentig dalam usaha untuk memahami apa yang sebenarnya berlaku, siapa yang terlibat dan apa perkara yang terjadi dan bagaimana ianya terhasil (Jorgensen, 1989).

#### HASIL DAN PERBINCANGAN

Konsep pembelajaran aktif (*active learning*) serta kaedah *blended* dalam Pendidikan CITRA UKM adalah berpaksikan hasilan dan melibatkan aktiviti aktiviti yang bukan berbentuk konservatif serta merangsang seluruh aspek dan deria rangsangan pembelajaran. Secara asasnya, *active learning* adalah apa sahaja yang berkaitan dengan kursus atau subjek tersebut yang pelajar-pelajar di dalamnya diminta melaksanakan selain dari mendengar kuliah dan menyalin nota (Felder

& Brent, 2016). Hal ini termasuklah kerja-kerja yang dilakukan bersama ahli-ahli dalam sekelas yang hasil akhirnya menjurus ke arah peningkatan pemahaman subjek yang dipelajari.

Antara kaedah-kaedah *active learning* yang dilaksanakan dalam kelas MPU antaranya adalah; *think-pair-share*, *thinking-aloud pair problem solving (TAPPS)*, berbalas pantun, *bouncing tennis ball*, dan pembentangan poster.

Dalam *think-pair-share*, pelajar diminta duduk dalam pasangan-pasangan dan diberikan satu topik kecil untuk saling sama-sama bincangkan. Seterusnya, pasangan tersebut akan bertukar-tukar dan bergerak dari pasangan ke pasangan yang lain, dengan mendapat dan membincangkan subtopik-subtopik yang lebih baharu dan segar. Manakala *TAPPS* membentuk siap-siap dua pasangan, satu pasangan menjadi penyoal dan satu lagi pasangan menjadi penerang pada satu-satu masalah. Dengan yang demikian, pencerahan terhadap masalah yang dibincangkan selalunya menjadi lebih mudah difahami.

Untuk subjek Hubungan Etnik, misalnya, dalam memahami ciri-ciri ketamadunan contohnya, pasukan-pasukan tugas diminta berbalas pantun dengan tema yang diberi secara impromptu dan perlu bersedia dalam masa 10 minit untuk saling menjual dan membeli. Bola tenis pula digunakan untuk membuat efek atau kesan supaya dirasakan semua pelajar dalam dewan kuliah besar yang biasanya menempatkan lebih seratus orang pelajar. Kaedahnya, pelajar-pelajar melambung bola tersebut, dan siapa yang bola itu hinggap pada dirinya, maka menjadi kewajipan pelajar tersebut mencari dan menyuarakan pendapatnya. Seterusnya, pembentangan poster dilakukan oleh pelajar-pelajar yang telah membuat tugas laporan, sambil menerangkan kepada kumpulan-kumpulan tugas yang lain.

Dalam aspek yang lain, *blended learning* adalah penggabungan kelas secara fizikal dengan kelas berbentuk maya atas talian. Antara kaedah-

kaedah *blended learning* yang dilaksanakan dalam kelas MPU antaranya adalah penggunaan *UKMFolio*, *kuiz on-line*, dan pembentangan tugas bervideo. *UKMFolio* adalah sistem interaktif atas talian yang menyimpan dan menjadi tapak kepada semua bahan Pengajaran dan Pembelajaran pelajar. *Kuiz on-line* yang diminati antaranya adalah *kahoot* yang mana pelajar-pelajar hanya perlu menjawab dalam telefon pintar masing-masing sahaja. Video pembentangan pula mampu untuk menjimatkan tempoh masa kelas di samping memberikan nilai tambah semangat bersungguh-sungguh untuk menyiapkan tugas dan juga persediaan rapi dalam pembentangan, kerana boleh disunting videonya sehingga berpuas hati. Beberapa contoh-contoh kaedah ada disertakan gambar fotonya.

Adalah dapat dicadangkan agar beberapa kaedah yang lebih terkini dan melibatkan penglibatan secara lebih praktikal dapat diusahakan seperti pembentangan poster secara *gallery walk*, pertukaran kumpulan pembentangan sambil bertukar tempat dan beberapa kaedah yang boleh diadaptasi melalui acuan budaya seperti dikir barat dan borea juga boleh diadaptasikan.

## KESIMPULAN

Sesungguhnya pengalaman pengajaran dan pembelajaran subjek MPU secara *blended* dan *active learning* ini dapat menambah baik sistem penyampaian universiti dalam melengkapkan pendidikan pelajar bagi melahirkan graduan menyeluruh lagi bersahsiah dengan mempunyai jati diri yang mantap bersama peluasan ilmu pengetahuan dan penguasaan kemahiran-kompetensi insaniah bagi memenuhi keperluan semasa dan menghadapi masa hadapan yang lebih cemerlang. Pengalaman yang dibawa dan diperkongsikan dalam subjek MPU di Pusat Citra UKM ini wajar diangkat dan diperluaskan penggunaannya.



GAMBAR 1. Pelajar-pelajar Kelas Subjek MPU (sesi bentang poster)



GAMBAR 2. Pelajar-pelajar Kelas MPU sedang membentang poster



GAMBAR 3. Pelajar-pelajar (sesi blended learning)



GAMBAR 4. Pelajar-pelajar (sesi perbincangan TAPPS)

## RUJUKAN

- Anon. (2013). Enhancing Students' Language Skills through Blended Learning". *Electronic Journal of E-Learning*. 14.
- Felder, R. M. & Brent, R. (2015). "Handouts with Gaps." *Chemical Engineering Education*, 49(4):239–240
- Felder, R. M. & Brent, R. (2016). Teaching and Learning STEM: A Practical Guide, San Francisco: Jossey-Bass.
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2004). Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Melangkaui Tahun 2020. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2006). Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) Untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. Serdang, Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Jorgensen, D L. (1989). Participant Observation: A Methodology for Human Studies. Newbury Park, CA: Sage Publications.
- Khalid Nordin. (2012). Dinamika Pengajian Tinggi. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Lazerson, M., Wagener, U. and Shumanis, N. (2000). What Makes a Revolution: Teaching and Learning in Higher Education, 1980-2000. National Center for Postsecondary Improvement, Stanford University, School of Education.
- Norazila Mat, Jamsari Alias, Nazri Muslim & NorAtiqah Abdullah. (2015). "Experiential Learning" Dan "Service Learning": Ke Arah Meningkatkan Kemahiran Insaniah Pelajar UKM, *Jurnal Personalia Pelajar*, 18:70-84.
- Pusat Citra Universiti. Buku Panduan Prasiswazah 2014-2015. Bangi: Pusat Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pusat Citra Universiti. Buku Panduan Prasiswazah 2015-2016. Bangi: Pusat Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pusat Pengajian Umum. Buku Panduan Prasiswazah 2010-2011. Bangi: Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Jamsari Alias\*, Nazri Muslim, Aminudin Basir @ Ahmad, Wan Zulkifli Wan Hassan, Zulkifli Mohamad, Azizi Umar & Nor Afian Yusof  
 Pusat Citra Universiti,  
 Universiti Kebangsaan Malaysia,  
 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Norazila Mat  
 Fakulti Ekonomi & Pengurusan,  
 Universiti Kebangsaan Malaysia,  
 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

\*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: jamsari@ukm.edu.my

Diserahkan: 2 November 2020  
 Diterima: 3 November 2020